

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)<https://gaexcellence.com/ijepe>**PENGALAMAN ANAK-ANAK PASCA PERCERAIAN:
DINAMIK HUBUNGAN, PENYESUAIAN HIDUP DAN
PENGLIBATAN BAPA***CHILDREN'S EXPERIENCES AFTER DIVORCE: RELATIONSHIP
DYNAMICS, LIFE ADJUSTMENT, AND FATHERS' INVOLVEMENT*Maslianor Umairah Mohd Isa¹, Siti Marziah Zakaria^{2*}, Muhammad Ajib Abd Razak³¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia p132469@siswa.ukm.edu.my <https://orcid.org/0009-0002-5297-8257>²Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia marziah@ukm.edu.my <https://orcid.org/0009-0001-7027-8329>³Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia muhdajib@ukm.edu.my <https://orcid.org/0000-0002-7054-3620>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.07.2026

Revised date: 03.08.2026

Accepted date: 23.08.2026

Published date: 14.09.2026

To cite this document:

Isa, M. U. M., Zakaria, S. M., & Razak, M. A. A. (2026). Pengalaman Anak-Anak Pasca Perceraian: Dinamik Hubungan, Penyesuaian Hidup Dan Penglibatan Bapa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(64), 820-833.

Abstrak:

Proses keibubapaan pasca perceraian merupakan cabaran penting dalam mengekalkan kestabilan emosi, interaksi dan penglibatan bersama anak dalam keluarga. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman anak-anak daripada keluarga bercerai serta menilai dinamik hubungan adik-beradik dan penglibatan bapa dalam memahami penyesuaian tingkah laku anak remaja dan dewasa. Fokus kajian adalah pada adik-beradik berumur 13 hingga 30 tahun yang tinggal bersama ibu. Kaedah kajian menggunakan temu bual separa berstruktur, diikuti dengan analisis tematik untuk mengenal pasti tema dan corak pengalaman responden. Penemuan kajian menunjukkan bahawa perceraian memberi kesan terhadap pengalaman emosi dan psikologi anak, cabaran hidup serta perubahan struktur dan rutin keluarga. Hubungan adik-beradik memainkan peranan penting sebagai sistem sokongan tidak formal, walaupun ketegangan berlaku disebabkan oleh konflik tetapi adik-beradik tetap meletakkan harapan terhadap kerjasama dan kesatuan antara satu sama lain. Penglibatan bapa pasca perceraian adalah pelbagai dan tidak konsisten dengan interaksi emosi yang terhad. Namun, anak-anak tetap mengekalkan harapan agar bapa menjadi teladan, pembimbing serta peka terhadap keperluan mereka. Dapatan ini menekankan bahawa kualiti dan

makna interaksi bapa-anak lebih penting daripada kekerapan pertemuan fizikal dalam menyokong penyesuaian tingkah laku anak. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman holistik mengenai interaksi keluarga pasca perceraian, implikasi teoretikal terhadap Teori Sistem Keluarga, Teori Perapatan dan Model ABCX Berganda serta implikasi praktikal bagi memperkukuh peranan bapa dan membangunkan sokongan sosial untuk anak-anak pasca perceraian.

DOI:10.35631/IJEPC.1164041

Kata Kunci:

Hubungan Adik-Beradik, Pasca perceraian, Penglibatan Bapa, Perapatan Bapa-Anak, Penyesuaian Tingkah Laku.

Abstract:

Post-divorce parenting presents challenges in maintaining emotional stability, interaction and engagement of parent-child within the family. This study aims to explore the experiences of children from divorced families and examine sibling dynamics and father involvement in understanding the behavioral adjustment of adolescent and young adult children. The study focuses on siblings aged 13 to 30 years old living with their mother. A semi-structured interview method was employed, followed by thematic analysis to identify patterns and themes in participants' experiences. Findings indicate that divorce impacts children's emotional and psychological experiences, life challenges and changes in family structure and routines. Sibling relationships serve as an informal support system; despite tensions arising from conflict, siblings continue to hold expectations of cooperation and unity among one another. Post-divorce father involvement is varied and inconsistent, with limited emotional interaction. Nonetheless, children maintain expectations for fathers to act as role models, guides and be attentive to their needs. These findings underscore that the quality and meaningfulness of father-child interactions are more influential than the frequency of physical meetings in supporting children's behavioral adjustment. The study contributes to a holistic understanding of post-divorce family interactions with theoretical implications for Family System Theory, Attachment Theory and the Double ABCX Model, as well as practical implications for strengthening father role and developing social support for children post-divorce.

Keyword:

Adjustment Behavior, Father-Child Attachment, Father Involvement, Siblings Relationship, Post-Divorce



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Pengenalan

Institusi keluarga adalah asas kepada struktur sosial dalam masyarakat. Ia merujuk kepada unit sosial yang terdiri daripada individu yang dihubungkan melalui hubungan darah, perkahwinan, atau ikatan lain dan memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai, norma, serta identiti seseorang individu. Keluarga juga berfungsi sebagai tempat pertama seseorang menerima pendidikan, kasih sayang, dan sokongan emosi.

Ainsworth (1963) menggambarkan hubungan emosi awal dalam keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman, kepercayaan dan kesejahteraan individu pada peringkat awal. Menurut Sprey (1979), kestabilan keluarga memerlukan keupayaan setiap ahli keluarga untuk kekal bersama dalam situasi semasa. Ini menunjukkan pengurusan keluarga merupakan proses yang mencabar dan rumit, walaupun bagi keluarga yang berfungsi dengan baik. Keupayaan untuk mengurus dinamik keluarga dengan cekap memerlukan ibu bapa dan kemungkinan melibatkan ahli keluarga lain untuk menggunakan pelbagai amalan dan strategi bagi menyelaraskan, mengawasi, dan memperuntukkan sumber yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan struktur dan kefungsi keluarga (Fiese et al., 2002).

Lattanzi-Licht (1996) berpendapat bahawa ciri asas keluarga berfungsi adalah apabila ahli keluarga mempercayai bahawa keluarga merupakan satu kumpulan yang selamat, menerima dan memberi rasa memiliki (belonging), di mana keterbukaan dan perundingan menjadi elemen utama dalam komunikasi serta penyelesaian masalah. Bahkan, Minuchin (1974) menegaskan bahawa kefungsi keluarga bergantung kepada cara ahli keluarga berinteraksi dan membina sempadan sosial yang sesuai. Keluarga yang berfungsi lazimnya memiliki hubungan kekeluargaan yang sihat dari aspek komunikasi, saling mengormati dan kerjasama (Ljubetić, 2020; Chan, 2002; Yöntem, 2019) yang berupaya membentuk perapatan selamat antara ibu bapa dan anak.

Walau bagaimanapun, tidak semua keluarga dapat menyediakan persekitaran yang selamat, menyokong dan sejahtera. Keadaan ini lazimnya dikenali sebagai ketidakfungsi keluarga atau keluarga disfungsi. Minuchin (1974) mencirikan ketidakfungsi keluarga sebagai kekurangan komunikasi, pengabaian, konflik dan ketidakstabilan emosi yang dilihat, boleh memberi impak negatif terhadap perkembangan emosi dan psikologi individu (Singh & Bhambri, 2025). Keluarga yang berfungsi secara tidak sihat atau disfungsi terdiri daripada beberapa keadaan, seperti kematian salah seorang ahli keluarga, perpisahan atau perceraian ibu bapa, hubungan yang tegang antara ibu bapa serta hubungan yang renggang antara ibu bapa dan anak.

Secara amnya, keluarga disfungsi cenderung berada dalam penafian, iaitu tidak mengakui kewujudan sebarang masalah atau situasi bermasalah, malah adakalanya mencipta masalah yang sebenarnya tidak wujud. Implikasinya, dinamik keluarga ini boleh menjejaskan ikatan emosi antara ahli keluarga yang membawa kepada tekanan, rasa tidak selamat dan mekanisme daya tindak maladaptif iaitu strategi penyesuaian diri yang tidak berkesan atau tidak sesuai dalam menghadapi tekanan emosi. Hubungan keluarga yang disfungsi berpotensi menimbulkan tekanan kronik dalam kalangan ahli keluarga dan boleh membawa kepada kesan psikologi jangka panjang terhadap kesejahteraan emosi serta perkembangan individu.

Van Dijk et al. (2021) mendapati ramai kanak-kanak dan remaja di seluruh dunia menghadapi perceraian atau perpisahan ibu bapa mereka. Hal ini menimbulkan perdebatan tentang kesannya terhadap kesejahteraan kanak-kanak dan sejauh mana ibu bapa perlu kekal bersama demi anak-anak. Banyak kajian menumpukan kesan perceraian terhadap kesejahteraan kanak-kanak dengan menekankan terhadap kualiti hubungan dan konflik sebelum perpisahan, namun sering kali tidak mengambil kira bahawa konflik tidak hanya berlaku sebelum perceraian tetapi juga semasa dan selepas perceraian. Bahkan, perceraian telah menjadi tren yang sangat normal di seluruh dunia masa kini.

Menurut laporan profil keluarga terkini, kadar perceraian keseluruhan di Amerika Syarikat adalah 15.5 perceraian bagi setiap 1 000 wanita berkahwin pada tahun 2019 (Reynolds, 2020). Data Banci AS juga mencatatkan, hampir 1.1 hingga 1.2 juta kanak-kanak Amerika mengalami perceraian ibu bapa setiap tahun (Cou, Fine, & Zhou, 2022; Kreider, 2007; Kreider & Ellis, 2011). Di Eropah pula, Macedonia Utara merupakan negara dengan kadar perceraian tertinggi pada tahun 2023 yang mencatatkan kadar perceraian sebanyak 9.6 bagi setiap 1 000 penduduk. Statistik ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding kadar yang jauh lebih rendah pada tahun 2020 iaitu hanya 0.8 bagi setiap 1 000 penduduk.

Data yang dikeluarkan oleh Statistics South Africa (2023) merekodkan peningkatan jumlah perceraian kepada 22, 230 kes pada tahun 2023 berbanding 20, 196 kes pada tahun 2022, iaitu sebanyak 10.1%. Laporan menunjukkan terdapat perbezaan ketara antara kumpulan etnik dalam corak perceraian tersebut. Pasangan Afrika Hitam mencatat jumlah kes perceraian tertinggi sebanyak 55.6%, tetapi kadar perceraian kasarnya paling rendah kerana saiz populasi yang besar. Selain itu, hampir 47.3% perceraian berlaku dalam 10 tahun pertama perkahwinan dan 24.1% berlaku sebelum tahun kelima. Tren ini menggambarkan bahawa tempoh awal perkahwinan merupakan fasa paling rapuh dan berisiko tinggi terhadap perceraian.

Di Asia Tenggara, Indonesia mencatatkan kadar perceraian tertinggi pada tahun 2019 (Nainggolan et al., 2024). Bahkan, kadar perceraian terus meningkat terutamanya selepas Covid-19 dan pada tahun 2022; kes telah mencecah kepada 516 334 daripada 447 743 pada tahun 2021 (Loasana, 2024). Namun, hal ini agak berlainan dengan kadar kes perceraian di Malaysia yang mencatatkan penurunan 8.7% daripada 63 338 kes pada tahun 2022 kepada 57 835 pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, kes perceraian pasangan Islam mewakili majoriti kes sebanyak 76.6% iaitu 44 322 kes berbanding pasangan bukan Islam sebanyak 21.4% iaitu 13 513 kes (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024).

Majoriti kajian antarabangsa telah mengenal pasti beberapa punca utama perceraian yang lazim berlaku, antaranya ialah komunikasi yang tidak berkesan, kelemahan dalam kemahiran menyelesaikan konflik, kurangnya kasih sayang dan komitmen, tekanan kewangan, penyalahgunaan bahan seperti dadah dan alkohol, ketidakmatangan emosi serta keganasan fizikal (Bukhtiar et. al 2025; Scott et. al 2014; Adamu & Temesgen 2013). Dapatan ini tidak jauh berbeza dengan faktor-faktor penyumbang kepada kes perceraian di rantau Asia Tenggara, yang turut berpunca daripada kecurangan, risiko kewangan, penderaan domestik (Kadir, 2021; Loasana, 2024), komunikasi yang tidak berkesan, ketidaksetaraan peluang ekonomi dan diskriminasi gender (Kadir, 2021). Justeru, menurut Kadir (2021), perceraian di Malaysia lazimnya berlaku sebagai langkah terakhir bagi perkahwinan yang terdedah kepada penderaan domestik.

Proses keibubapaan pasca perceraian merupakan salah satu cabaran buat ibu bapa dalam menjamin kestabilan dan konsistensi daripada aspek peranan, interaksi, penglibatan dan kasih sayang atau perhatian terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, perceraian sering kali dikaitkan dengan konflik perkahwinan jangka panjang tetapi bagi sesetengah kes, perkahwinan berakhir disebabkan oleh sedikit pertengaran dan kebahagiaan yang sederhana (Cao et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa tahap konflik antara ibu bapa sebelum perceraian adalah berbeza-beza. Maka, situasi ini boleh mendatangkan kesan tidak langsung terhadap hubungan ibu-anak, hubungan bapa-anak serta hubungan antara adik-beradik dalam keluarga pasca perceraian.

Cao et al. (2022) menjelaskan bahawa konflik yang tinggi antara ibu bapa berpotensi menyumbang kepada peningkatan masalah tingkah laku luaran dan dalaman anak, persepsi terhadap ancaman, persepsi untuk menyalahkan diri, takut ditinggalkan dan isu penyesuaian anak. Richardson and McCabe (2001) merumuskan bahawa terdapat lima domain utama yang menjadi panduan dalam menilai keamatan penyesuaian tingkah laku anak iaitu hubungan ibu bapa-anak, kesihatan mental, hubungan interpersonal, kemahiran sosial serta konsep sendiri.

Kesan perceraian ibu bapa tidak hanya terhenti pada suami isteri bahkan kepada keseluruhan struktur keluarga nuklear yang terdiri daripada ibu, ayah dan sesama anak iaitu adik-beradik. Hubungan antara adik-beradik terbentuk melalui perkongsian pengalaman zaman kanak-kanak yang sama dan sering menjadi hubungan kekeluargaan yang paling lama bertahan serta berfungsi sebagai sistem sokongan utama semasa krisis keluarga. Anak-anak yang mempunyai perapatan selamat dengan ibu bapa cenderung membentuk hubungan positif dengan adik-beradik, manakala mereka yang berasal daripada keluarga berkonflik; berisiko mewujudkan interaksi yang penuh pertentangan antara satu sama lain (Walter & Blazek, 2022; Seginer, 1988; Chriss & Shaw, 2005).

Kusuma et al. (2021) menegaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengoptimalkan perkembangan kemahiran dan fungsi sosial anak-anak. Sekiranya peranan ini gagal dilaksanakan, anak-anak cenderung untuk menarik diri daripada interaksi sosial dan membesar mengalami kesunyian, keyakinan diri yang rendah serta konsep sendiri yang lemah (Jannah et al., 2023). Garcia-Mendoza et al. (2020) turut menyokong bahawa individu daripada keluarga disfungsi sering menunjukkan ketidakpuasan dan tekanan emosi akibat persepsi diri yang negatif serta kesukaran membina hubungan sosial. Walau bagaimanapun, Aishatul et al. (2019) menunjukkan bahawa generasi masa kini lebih terbuka, rasional dan berdaya tindak dalam mengurus kesan perceraian, sejajar dengan peningkatan kematangan dan keupayaan menyesuaikan diri dalam menghadapi cabaran hubungan kekeluargaan.

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat jurang pengetahuan yang ketara mengenai perbandingan penyesuaian tingkah laku antara adik-beradik dalam tempoh tertentu selepas perceraian serta peranan bapa dalam menjamin kesejahteraan anak. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang isu ini dan memberi cadangan praktikal bagi menjamin kesejahteraan generasi muda yang berisiko.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman anak-anak pasca perceraian, dinamik hubungan antara adik-beradik, penyesuaian hidup dan bentuk penglibatan bapa pasca perceraian.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif melalui pendekatan fenomenologi dengan menjadikan temu bual separa berstruktur sebagai instrumen utama pengumpulan data. Pendekatan ini dipilih kerana ia sejajar dengan objektif kajian untuk meneroka pengalaman hidup individu yang telah atau sedang mengalami proses penyesuaian pasca perceraian dalam kalangan adik-beradik remaja dan dewasa, di samping penerokaan terhadap peranan kebapaan dalam institusi kekeluargaan pasca perceraian.

Dalam konteks kajian ini, protokol temu bual separa berstruktur terdiri daripada satu set soalan terbuka yang dibina untuk meneroka aspek penglibatan bapa dan jenis penyesuaian tingkah laku dalam kalangan adik-beradik yang mempunyai pengalaman perceraian ibu bapa. Soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan objektif kajian dan kajian literatur yang bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam daripada perspektif responden. Fokus populasi dalam kajian ini terdiri daripada adik-beradik golongan remaja dan dewasa awal di seluruh Malaysia; yang berumur antara 13 hingga 30 tahun. Populasi bagi kajian ini dikhususkan kepada anak dalam kalangan keluarga yang telah bercerai serta mempunyai adik-beradik. Seramai 8 orang responden telah terlibat dalam kajian ini.

Secara asasnya, protokol temu bual kajian ini terdiri daripada lima bahagian seperti maklumat demografi, pengalaman anak pasca perceraian, dinamik hubungan antara adik-beradik, penyesuaian tingkah laku serta peranan dan penglibatan bapa pasca perceraian. Penyelidik telah melakukan tinjauan literatur yang menyeluruh sebelum membina protokol temu bual. Bagi memastikan kesahan kandungan (*content validity*) protokol temu bual, prosedur penilaian pakar telah dilaksanakan.

Temu bual telah dilaksanakan secara bersemuka atau dalam talian mengikut kesesuaian dan keselesaan responden. Setiap sesi temu bual dijalankan secara individu dan mengambil masa purata 1 jam 30 minit. Penyelidik menjalankan temu bual dalam Bahasa Melayu dengan loghat yang bersesuaian berdasarkan negeri masing-masing bagi memastikan responden dapat mengekspresikan pengalaman dan pandangan mereka dengan lebih jelas dan selesa.

Bagi proses transkripsi pula, rakaman audio diubah menjadi teks verbatim dengan menggunakan bantuan teknikal melalui aplikasi *NotebookLM*. Aplikasi ini turut digunakan secara terhad bagi tujuan visualisasi ringkasan aspek yang dikaji bagi setiap responden sebagai sokongan kepada pemahaman data. Ini bagi memudahkan proses pencarian, penamaan dan penganalisisan tema dan subtema yang berpotensi.

Dapatan Kajian

Latar Belakang Demografi Responden

Demografi responden yang lebih terperinci adalah seperti yang tertera di Jadual 1. Responden telah dikodkan sebagai L1, P2, L3 dan seterusnya, berdasarkan jantina dan urutan pelaksanaan temu bual bagi menjaga kerahsiaan dan memudahkan rujukan silang dalam melaporkan dapatan. Berdasarkan jadual 1, dapat dilihat bahawa jumlah responden perempuan adalah lebih ramai iaitu seramai lima (5) orang berbanding lelaki hanya tiga (3) orang. Selain itu, majoriti responden adalah dalam kalangan dewasa awal yang masing-masing berumur 20, 21, 24, 26

dan 27 tahun. Manakala, dua (2) orang responden lagi ialah remaja yang berumur 16 dan 18 tahun.

Dari segi susunan adik-beradik, tiga (3) responden, iaitu L1, L3 dan P6 merupakan anak sulung. Walau bagaimanapun, L1 melaporkan bahawa perkahwinan ibu bapanya merupakan perkahwinan kedua bagi bapanya. Ini menjadikan L1 secara tidak langsung merupakan anak kedua kerana telah mempunyai seorang kakak (sebapa). Keadaan ini berpotensi mempengaruhi bentuk dan tahap sokongan adik-beradik yang diterima berbanding responden lain yang merupakan anak sulung dalam keluarga nuklear. Seterusnya, dua (2) orang responden lagi merupakan anak kedua manakala tiga (3) responden lain pula merupakan anak bongsu. Variasi kedudukan dalam hierarki adik-beradik ini dilaporkan kerana ia boleh mempengaruhi peranan, tanggungjawab serta akses kepada sokongan emosi dan instrumental dalam hubungan adik-beradik pasca perceraian.

Berdasarkan tempoh perceraian ibu bapa, majoriti responden iaitu seramai empat (4) orang melaporkan pengalaman perceraian dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden ini mengalami perceraian ibu bapa apabila telah mencapai usia awal 20 – an kecuali bagi responden remaja. Manakala, tiga (3) responden telah melaporkan tempoh perceraian ibu bapa melebihi sepuluh tahun dengan tempoh paling lama direkodkan ialah 18 tahun. Hanya seorang (1) responden, iaitu L1, sahaja yang melaporkan tempoh perceraian ibu bapa yang masih baharu iaitu empat bulan. Perbezaan tempoh ini memberi gambaran variasi fasa penyesuaian yang dialami oleh responden dan berpotensi mempengaruhi cara mereka menilai serta mengurus perubahan dalam struktur, fungsi dan rutin harian keluarga.

Dari sudut struktur keluarga baharu, tiga (3) orang responden melaporkan perkahwinan semula ibu bapa. L3 dan P8 menyatakan bahawa kedua-dua ibu dan bapa masing-masing telah berkahwin lain. Ini menjadikan mereka mempunyai ibu tiri, bapa tiri atau adik-beradik tiri. Manakala, P7 pula melaporkan hanya ibunya sahaja yang telah berkahwin semula. Ini menjadikan beliau mempunyai bapa tiri sahaja. Maklumat ini penting untuk difahami kerana pembentukan struktur keluarga baharu berpotensi mempengaruhi tahap dan bentuk penglibatan bapa serta pengalaman harian responden, khususnya dalam cara mereka menilai hubungan, sokongan dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sistem keluarga.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden

Kod	Umur	Turutan kelahiran	Tempoh Perceraian ibu bapa
L1	18	Anak pertama	Kurang dari 1 tahun
P2	20	Anak ketiga	13 tahun
L3	21	Anak pertama	12 tahun
P4	27	Anak kedua	3 tahun

L5	24	Anak ketiga	3 tahun
P6	16	Anak pertama	4 tahun
P7	27	Anak kedua	5 tahun
P8	26	Anak kedua	18 tahun

Dapatan Tema

Jadual 2 menunjukkan rumusan keseluruhan tema dan subtema yang diperolehi berdasarkan dapatan kajian bagi kesemua objektif yang terlibat. Responden yang ditemubual menggambarkan pengalaman mereka selepas melalui fasa penceraian ibu bapa dalam bentuk emosi dan psikologi. Ramai yang meluahkan rasa kosong, rasa dendam dan benci terhadap ibu bapa, serta rasa kehilangan. Ada juga yang melaporkan pelbagai emosi, kesan daripada penceraian ibu bapa seperti keliru, risau, sedih, takut dengan ketidakpastian masa depan dan lain-lain lagi. Responden meluahkan:

“Tak rasa apa-apa... sebab semak (serabut/kacau-bilau). Sebelum berpisah depa dah semak, lepas bercerai tu lagi semak” (L5), diikuti oleh responden P7, “...dari segi emosi tu jadi macam *lost* ke ataupun macam *numb* lah rasa”.

Cabaran utama yang diluahkan oleh kebanyakan responden adalah konflik keluarga dan masalah kewangan. Jika ibu mereka tidak bekerja, keluarga ini harus memulakan hidup baharu dan membuat pelbagai pekerjaan untuk mencari sumber pendapatan baharu. Tidak kurang juga yang tidak mendapat sokongan kewangan daripada bapa selepas fasa penceraian ini, terutamanya jika tinggal bersama ibu. Konflik keluarga muncul dan semakin buruk apabila tidak mencapai persetujuan dalam urusan-urusan kewangan, urusan penjagaan, tempat tinggal, sekolah dan lain-lain. P3 melaporkan, “kalau waktu daripada start pada bercerai, tu kira saya tidak bersekolah, dan start mula cari duit”.

Kajian turut meneroka dinamik hubungan responden dengan adik-beradik. Mereka menggambarkan hubungan mereka dalam pelbagai situasi. Ada yang masih sama seperti dulu (konsisten), ada yang semakin rapat, malah ada yang menjadi renggang selepas penceraian berlaku. Responden menggambarkan adik beradik yang mereka miliki sebagai agen sokongan terutamanya jika memiliki ramai adik-beradik. Adik beradik telah menjadi sumber sokongan emosi, praktikal, dan sumber bimbingan serta panduan. Dalam kebanyakan masa, mereka masih mencari adik beradik untuk berkongsi masalah dan meluahkan emosi. Responden juga mengharapkan adik beradik yang lebih tua untuk mendapat sokongan praktikal seperti pengangkutan untuk menghantar dan mengambil dari sekolah. Pada kebanyakan masa, jika mereka mempunyai masalah kewangan, kakak dan abang adalah orang yang selalu dicari. Adik-beradik juga turut menjadi sumber bimbingan dan panduan. Salah seorang responden menyuarakan:

“Tapi selepas mak ayah kita orang cerai ni saya dengan adik macam ok sikit. Kuranglah gaduh tu. Tapi kalau dengan kakak saya memang rapatlah, tambah-tambah sekarang” (L1).

Apabila salah seorang, ibu atau bapa tidak lagi tinggal bersama, mereka merasa kehilangan dan ketidaksempurnaan dalam keluarga. Mereka rasa bertuah jika sentiasa diberi panduan oleh kakak atau abang dalam keluarga. Mereka masih memerlukan figur seorang ibu atau bapa untuk membuat keputusan dalam hidup dan menyelesaikan masalah. P2 melaporkan:

“Dari segi emosi adalah sikit er macam rasa, macam mana ah; macam tak complete tau”. Begitu juga dengan anggapan L3 iaitu, “... kita fikir masa depan kita tak sama dengan orang lain” serta P6 “Jadi macam sunyi sikitlah sebab bila tengok kawan-kawan, semua orang macam ada ayah, kami tak ada”.

Penyesuaian hidup juga turut menjadi isu utama kepada anak-anak yang melalui fasa penceraihan ibu bapa. Mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan suasana hidup yang baharu dalam situasi yang berbeza. Tidak mudah terutamanya jika episod itu berlaku dalam usia yang masih mentah, seawal usia kanak-kanak yang baru belajar mengenal dunia. Terdapat tiga (3) jenis penyesuaian utama yang perlu dilakukan oleh mereka, iaitu penyesuaian tanggung jawab, penyesuaian konsep sendiri dan penyesuaian daya tindak. Ramai anak-anak ini yang terpaksa matang sebelum usia kerana perlu memikul tanggungjawab yang baharu dalam keluarga. Ada yang terpaksa bekerja di usia yang muda untuk membantu ibu memenuhi keperluan keluarga. Ada juga yang memilih untuk tinggal di asrama kerana situasi di rumah tidak lagi sesuai untuk mereka. Bagi yang masih tinggal bersama keluarga, mereka mula membahagi-bahagikan tanggung jawab sesama mereka. Salah seorang responden meluahkan:

“Lepas mak ayah berpisah, saya memang kena hidup berdikari. Saya kena iron baju, basuh kasut. Saya darjah dua dah kena belajar masak” (P2)

Dalam pada itu, mereka turut mengalami perasaan rendah diri, malu dengan rakan-rakan dan rasa dipinggirkan dalam tempoh itu. Perasaan ini memberi kesan yang besar kepada konsep sendiri mereka. Jesturu, ia perlu dipulihkan dengan motivasi dan keyakinan daripada keluarga dan rakan-rakan yang positif. Situasi ini membawa kepada penyesuaian dari segi daya tindak. Mereka telah mengubah daya tindak negatif kepada daya tindak yang lebih positif. Antara kemahiran daya tindak yang dilaporkan ialah pengelakan, regulasi emosi dan sokongan sosial. Akhirnya, penglibatan bapa turut diteroka dalam kajian ini. Hasil temu bual mendapati bahawa ramai yang melaporkan hubungan yang renggang dan interaksi yang terhad dengan bapa selepas penceraihan ibu bapa mereka. Kebanyakan daripada bapa hanya terlibat dalam memberi sokongan material dan kewangan. Mereka juga kadang kala melakukan aktiviti bersama bapa di hujung minggu. Perubahan drastik ini tentunya memberi kesan besar kepada emosi anak-anak terutamanya di peringkat kanak-kanak awal. Salah seorang responden menyatakan:

“selalunya bila dia ada gaji, baru ajak keluar makan” (P6).

Jadual 2: Ringkasan Tema Dan Subtema

KATEGORI	TEMA UTAMA	SUBTEMA
Pengalaman Anak Pasca Penceraihan	Respon Emosi dan Psikologi	▪ Perasaan kehilangan ▪ Rasa dendam dan benci ▪ Emosi bercampur-baur

	Cabaran Awal		▪ Kekosongan emosi (<i>numbness</i>) ▪ Masalah kewangan ▪ Konflik keluarga ▪ Hubungan rapat ▪ Hubungan renggang ▪ Hubungan konsisten ▪ Sokongan emosi ▪ Sokongan praktikal ▪ Bimbingan dan panduan ▪ Tingkah laku ▪ Konsep sendiri ▪ Daya tindak ▪ Mekanisme pengelakan (<i>escapism</i>) ▪ Regulasi emosi ▪ Sokongan sosial ▪ Hubungan renggang ▪ Interaksi terhad ▪ Sokongan material dan kewangan ▪ Aktiviti bersama
Dinamik Hubungan Adik-Beradik	Tahap Perapatan Adik-Beradik		
	Adik-Beradik Agen Sokongan	Sebagai	
Penyesuaian hidup pasca perceraian	Jenis Penyesuaian		
	Kemahiran Daya Tindak		
Penglibatan Bapa Pasca Perceraian	Tahap Perapatan Bapa-Anak		
	Bentuk Penglibatan Bapa		

Perbincangan

Pengalaman Anak Pasca Perceraian

Pengalaman anak pasca perceraian dicirikan oleh tiga tema utama iaitu respons emosi dan psikologi yang kompleks, cabaran awal dalam kehidupan serta perubahan terhadap struktur dan rutin keluarga. Responden melaporkan perasaan kehilangan, kesedihan, kemarahan, kekeliruan dan kekosongan emosi akibat kehilangan hubungan serta sokongan daripada ibu atau bapa.

Pada masa yang sama, mereka turut berhadapan dengan tekanan kewangan dan konflik keluarga yang berterusan, termasuk isu hak jagaan dan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan. Selain itu, perubahan seperti perpindahan tempat tinggal atau sekolah serta pengurangan interaksi keluarga telah mengganggu rutin harian dan rasa kestabilan yang sebelum ini dirasai. Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa perceraian ibu bapa memberi implikasi emosi, sosial dan psikologi yang signifikan kepada anak, khususnya pada peringkat awal proses penyesuaian (Mohammad & Masroom, 2020; Tullius et al., 2021; Douglas, 2021; Cao et al., 2022; Dilla & Wado, 2024).

Dinamik Hubungan Adik-Beradik

Dimensi adik-beradik pasca perceraian memperlihatkan perubahan dalam tahap perapatan hubungan, fungsi sokongan, pengalaman konflik dan persepsi terhadap peranan adik-beradik. Dapatan menunjukkan bahawa hubungan adik-beradik boleh menjadi lebih rapat, renggang atau kekal konsisten bergantung kepada faktor seperti struktur tempat tinggal, perbezaan umur dan pengalaman perceraian ibu bapa yang dilalui.

Dalam kebanyakan kes, adik-beradik berfungsi sebagai sumber sokongan emosi dan praktikal yang penting apabila sokongan ibu bapa berkurangan, sekali gus membantu proses penyesuaian pasca perceraian. Walau bagaimanapun, konflik berkaitan isu ibu bapa dan ketegangan emosi turut mempengaruhi kualiti hubungan sesama adik-beradik. Selain itu, perceraian ibu bapa juga mendorong pembentukan persepsi baharu terhadap peranan adik-beradik sebagai pelindung, penjaga keharmonian keluarga dan sumber keselamatan emosi. Dapatan ini selari dengan kajian Van Dijk et al. (2021), Buist et al. (2019) dan Krug et al. (2024) yang menunjukkan bahawa hubungan adik-beradik berperanan sebagai faktor pelindung penting dalam menyokong kesejahteraan dan penyesuaian anak pasca perceraian.

Penyesuaian Hidup Pasca Perceraian

Secara keseluruhannya, penyesuaian anak pasca perceraian telah dikenal pasti berdasarkan tiga tema utama iaitu penyesuaian tanggung jawab, konsep sendiri dan kemahiran daya tindak. Responden menunjukkan pelbagai reaksi emosi dan tingkah laku pada peringkat awal, namun kebanyakannya berjaya membentuk penyesuaian yang lebih positif melalui peningkatan motivasi diri, kematangan identiti serta penggunaan strategi daya tindak yang lebih adaptif. Dapatan ini selari dengan kajian Shariff et al. (2020), Mohammad dan Masroom (2020), Douglas (2020), Miralles et al. (2021), Cao et al. (2022), Huff dan Hartenstein (2020) serta Dilla dan Wado (2024) yang menunjukkan bahawa proses penyesuaian pasca perceraian berkembang daripada kesan negatif awal kepada pembentukan daya tahan dan kesejahteraan yang lebih baik dalam jangka panjang.

Penglibatan Bapa Pasca Perceraian

Dapatan menunjukkan hubungan bapa-anak cenderung menjadi lebih renggang dengan interaksi yang terhad dan kurang intim secara emosi. Penglibatan bapa lebih tertumpu kepada sokongan material berbanding sokongan emosi dan psikososial. Walaupun begitu, responden tetap mengharapkan bapa menjalankan tanggungjawab keibubapaan secara konsisten sebagai penyedia nafkah, pembimbing dan sumber sokongan emosi. Dapatan ini selari dengan kajian yang menegaskan bahawa kualiti hubungan dan penglibatan bapa yang bermakna merupakan faktor penting dalam kesejahteraan dan penyesuaian psikologi anak pasca perceraian (Camacho et al., 2021; Spaan et al., 2022; Larouche et al., 2023; Rolle et al., 2019).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa perceraian ibu bapa merupakan satu peristiwa transisi keluarga yang memberi kesan signifikan terhadap pengalaman emosi, penyesuaian tingkah laku serta dinamik hubungan keluarga dalam kalangan anak remaja dan dewasa. Perubahan dalam penglibatan bapa, kualiti perapatan bapa-anak dan hubungan adik-beradik memainkan peranan penting dalam membentuk proses penyesuaian individu yang

mengalami perceraian ibu bapa. Kajian ini turut menyokong aplikasi Teori Sistem Keluarga, Teori Perapatan dan Model ABCX Berganda dalam memahami pengalaman anak pasca perceraian. Dari sudut praktikal, kajian ini menekankan kepentingan memperkukuh penglibatan bapa, sokongan psikososial dan intervensi berasaskan keluarga bagi meningkatkan kesejahteraan anak.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis pertama bertanggungjawab terhadap pengumpulan data, metodologi dan pelaksanaan keseluruhan kajian. Penulis kedua memantau pengumpulan data, menyemak analisis kajian serta tafsiran dapatan kajian. Penulis ketiga membuat semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ainsworth, M. D. (1963). The development of infant-mother interaction among the Ganda. *Determinants of infant behavior*, 67–112.
- Aishatul, et al. (2019). The effects of divorce on children. *Journal of Media & Society*, 1, 1–19.
- Buist, K. L., van Tergouw, M. S., Koot, H. M., & Branje, S. (2019). Longitudinal linkages between older and younger sibling depressive symptoms and perceived sibling relationship quality. *Journal of Youth and Adolescence*, 48(6), 1190–1202. <https://doi.org/10.1007/s10964-019-01009-y>
- Bukhtiar, A., et al. (2025). Divorce dynamics: Understanding the causes and consequences of a growing world. *Indus Journal of Social Sciences*, 3(1), 1049–1065.
- Cabrera, N. J. (2019). Father involvement, father-child relationship, and attachment in the early years. *Attachment & Human Development*. <https://doi.org/10.1080/14616734.2019.1589070>
- Camacho, B. M., Gonzalez, M. M., & Lopez, A. (2021). Nonresident father involvement and child self-esteem after divorce in Spain. *Universitas Psychologica*. <https://doi.org/10.11144/Javeriana.upsy20.nfic>
- Cao, H., Fine, M. A., & Zhou, N. (2022). The divorce process and child adaptation trajectory typology (DPCATT) model: The shaping role of predivorce and postdivorce interparental conflict. *Clinical Child and Family Psychology Review*, 25, 500–528.
- Dilla, Y. R., & Wado, R. D. (2024). Understanding the impact of parental divorce on emotional development in early adolescents: A mixed-methods exploration. *Acta Psychologia*, 3(2), 81–88.
- Divorce rates by country 2025. (2025). *World Population Review*. <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/divorce-rates-by-country>
- Douglas, V. I. (2020). Review on the effects of divorce on children. *Journal of Current Issues in Arts and Humanities*, 6(1), 67–74.
- Fiese, B. H., Tomcho, T. J., Douglas, M., Josephs, K., Poltrock, S., & Baker, T. (2002). A review of 50 years of research on naturally occurring family routines and rituals: Cause for celebration? *Journal of Family Psychology*, 16(4), 381–390. <https://doi.org/10.1037/0893-3200.16.4.381>
- Garcia-Mendoza, M. D. C., Parra, A., & Sanchez-Queija, I. (2020). Emotional autonomy and adjustment among emerging adults: The moderating role of family relationship. *Scandinavian Journal of Psychology*, 61, 380–387.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Marriage and divorce 2024. Portal Rasmi Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/site/downloadrelease?id=marriage-and-divorce%202024&lang=English&admin_view=
- Jannah, M., Hariastuti, R. T., & Nursalim, M. (2023). Negative impact of a dysfunctional family on adolescents: A literature study. *Jurnal Pendidikan IPS*, 10(2), 109–121.
- Kadir, N. A. (2021). Evaluating the rising trends of divorces within Malaysian community. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(6), 1–13.
- Larouche, K., Pierce, T., Drapeau, S., et al. (2023). Understanding father's involvement relative to the other parent after parental separation. *Journal of Divorce & Remarriage*, 64(7–8), 254–279.
- Lattanzi-Licht, M. (1996). Helping families with adolescents cope with loss. *Handbook of diversity in parent education*. Academic Press.

- Ljubetić, M. (2020). Family functionality and functions in the contemporary social context: A contribution to theoretical considerations. *International Journal of Arts Humanities and Social Sciences Studies*, 5(11), 82–88.
- Loasana, N. A. (2024). Divorce on the rise in Indonesia amid rampant domestic abuse. Asia News Network. <https://asianews.network/divorce-on-the-rise-in-indonesia-amid-rampant-domestic-abuse/>
- Minuchin, S. (1974). *Families and family therapy*. Routledge.
- Mohammad, S. N. S., & Masroom, M. N. (2020). Emosi pelajar akibat perceraian ibu bapa. *Sains Humanika*, 12(1), 73–81.
- Mohd Shariff, S. A., Ridzuan, A., Hamzah, M. H., Sultan Mohideen, R., & Ilyas, I. Y. (2021). The effects of divorce parents on child's behavior. *e-Journal of Media and Society*, 4(1), 1–9.
- Naingdolan, D., Sofia, V. V., & Suryahadi, G. (2024). Images of children and teenage victims of divorce. *Interdisciplinary Journal of Advanced Research and Innovation*, 2(2), 61–86.
- Reynolds, L. (2020). Divorce rate in the U.S.: Geographic variation, 2019. National Center for Family & Marriage Research, 20–25. <https://doi.org/10.25035/ncfmr/fp-20-25>
- Richardson, S., & McCabe, M. P. (2001). Parental divorce during adolescence and adjustment in early adulthood. *Adolescence*, 36(143), 468–489.
- Singh, V., & Bhambri, S. (2025). The impact of dysfunctional family on the personal well-being of young women. *The International Journal of Indian Psychology*, 13(3). <https://doi.org/10.25215/1303.184>
- Spaan, J., van Gaalen, R., & Kalmijn, M. (2022). Disentangling the long-term effects of divorce circumstances on father-child closeness in adulthood: A mediation analysis. *European Journal of Population*, 38(5), 1183–1211.
- Sprey, J. (1979). Conflict theory and the study of marriage and the family. *Contemporary theories about the family*, 2, 130–159.
- Statistics South Africa. (2023). Marriages and divorces. https://www.divorcelaws.co.za/uploads/1/2/1/6/12166127/divorce_stats_2023.pdf
- Thompson, R. A. (1994). The role of the father after divorce. *The Future of Children*. Spring.
- Tullius, J. M., De Kroon, M. L. A., Almansa, J., & Reijneveld, S. A. (2022). Adolescents' mental health problems increase after parental divorce, not before, and persist until adulthood: A longitudinal TRAILS study. *European Child & Adolescent Psychiatry*, 31, 969–978. <https://doi.org/10.1007/s00787-020-01715-0>
- Van Dijk, R., van der Valk, I. E., & Deković, M., et al. (2020). A meta-analysis on interparental conflict, parenting and child adjustment in divorced families: Examining mediation using meta-analytic structural equation models. *Clinical Psychology Review*, 79, 101861.
- Van Dijk, R., van der Valk, I. E., Buist, K. L., Branje, S., & Deković, M. (2022). Longitudinal associations between sibling relationship quality and child adjustment after divorce. *Journal of Marriage and Family*, 84(2), 393–414. <https://doi.org/10.1111/jomf.12808>
- Walter, L. A., & Błażek, M. (2022). Sibling separation due to parental divorce: Diagnostic aspects. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(10), 6232. <https://doi.org/10.3390/ijerph19106232>